



**PELAN
STRATEGIK
PEJABAT
DAERAH/TANAH
SEPANG
2016-2020**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
❖ KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH	3
❖ BAB 1 ~ PENDAHULUAN	4
❖ Ringkasan Eksekutif	5
❖ Latarbelakang	6
❖ Sejarah Penubuhan	6
❖ Carta Organisasi	7
❖ Fungsi dan Peranan	8
❖ Punca Kuasa	9
❖ Stakeholders & Pelanggan	10
❖ BAB 2 ~ SENARIO PERSEKITARAN	11
❖ Isu-isu/ cabaran	11
❖ BAB 3 ~ HALA TUJU STRATEGIK	12
❖ Visi, Misi & Moto	13
❖ Nilai-nilai bersama	14
❖ Objektif Strategik & Pelan Tindakan	15
❖ Peta Strategi	32
❖ Elemen Penentu Kejayaan	33
❖ Mekanisme Pelaksanaan	34
❖ Carta Perbatuan	36
❖ BAB 4 ~ PENUTUP	37

KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, PDT Sepang telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik 2016-2020 bagi tempoh lima (5) tahun lagi. Pelan ini telah ditambah baik daripada pelan sebelumnya dengan mengkaji pencapaian dan keperluan pada masa hadapan ke arah menjadikan Negeri Selangor sebagai “Smart State”.



Pelan ini mengandungi objektif strategik dan Pelan Tindakan yang khusus bagi memastikan sistem penyampaian di PDT Sepang berada di landasan yang betul. Dengan adanya pelan ini, saya percaya ia akan turut membantu perancangan Sasaran Kerja Tahunan di bahagian masing-masing.

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bersama-sama menghasilkan Pelan Strategik 2016-2020 dan saya berharap kita semua dapat bekerja sebagai satu pasukan ke arah memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra.

Sekian, terima kasih.

Puan Roslinah binti Md. Jani
Pegawai Daerah Sepang

BAB 1: PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik ini adalah dirangka hasil dari inisiatif MAMPU bagi melaksanakan Transformasi Perkhidmatan Awam yang bertujuan mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan daya saing Negara. Oleh yang demikian, untuk mencapai hasrat tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang telah menetapkan hala tuju strategik untuk melaksanakannya secara berkesan bagi memberi impak kepada inisiatif tersebut.

Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dan berpasukan oleh semua Ketua Bahagian dan Ketua Unit meliputi Bahagian Tanah, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Khidmat Pengurusan di dalam menentukan hala tuju dan Pelan Strategik ke arah mencapai visi dan misi untuk menjadikan Daerah Sepang sebuah daerah yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Pelan Strategik ini adalah berlandaskan kepada empat perspektif: Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pertumbuhan bagi tujuan mencapai keseimbangan dalam kaedah penilaian prestasi organisasi dan individu. Objektif serta nilai bersama yang telah dipersetujui akan disebar dan diterap dalam penilaian tahunan kerja kakitangan.

LATAR BELAKANG

DAERAH SEPANG

Daerah Sepang adalah daerah bongsu bagi Negeri Selangor Darul Ehsan. Ia terletak di bahagian selatan Negeri Selangor Darul Ehsan dan bersempadan dengan daerah Hulu Langat, daerah Kuala Langat dan Petaling. Daerah Sepang juga bersempadan dengan Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Jika dilihat dari pandangan udara, daerah Sepang adalah berbentuk seperti hulu sebatang keris, memanjang ke arah selatan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban di sempadan sebelah timur sehingga ke kampung Sungai Buah/Bukit Unggul. Di sebelah baratnya pula, adalah daerah Kuala Langat, sementara daerah Petaling merupakan jiran di bahagian sebelah utara. Di sebelah selatan pula, daerah Sepang terbuka menghadap Selat Melaka.

PENUBUHAN DAERAH

Menurut sejarah awal, nama Daerah Sepang diambil bersempena dengan nama pokok yang banyak tumbuh di daerah ini, iaitu pokok Sepang (*Caesalpinia sappan*). Pada awalnya, daerah ini merupakan kawasan-kawasan kecil daerah Kuala Langat (Mukim Sepang dan Mukim Labu) dan daerah Hulu Langat (Mukim Dengkil). Kawasan-kawasan ini kemudiannya digabungkan menjadi satu daerah baru.

Daerah Sepang mencapai taraf daerah sepenuhnya pada 1 Januari 1975. Semasa awal penubuhannya, Pusat Pentadbiran Daerah Sepang terletak di Pekan Sepang. Apabila Kerajaan Persekutuan telah memilih daerah Sepang untuk menempatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pusat Pentadbiran Daerah Sepang telah dipindahkan ke Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) pada 26 Ogos 1983. BBST juga dikenali sebagai Bandar Lapangan Terbang (*Airport City*) dengan keluasan 896 hektar. Jaringan jalan raya di dalam daerah Sepang terdiri daripada Lebuhraya Elite di bahagian barat, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Highway) di bahagian timur dan Lebuhraya B20 di pertengahannya dan South Klang Valley Expressway (SKVE). Di samping itu, daerah Sepang juga dilengkapi dengan Sistem Express Rail Link (ERL) yang dibina untuk menghubungkan Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui Putrajaya dan Cyberjaya. Kemudahan-kemudahan infrastruktur ini adalah perlu bagi menampung projek-projek mega supaya pembangunan di sekitar daerah Sepang akan terus berjalan lancar.

DEMOGRAFI SEPANG


Berdasarkan bancian penduduk dan Perumahan 2010, jumlah penduduk daerah Sepang ialah 211,400 orang yang terdiri daripada 86,700 Melayu, 17,100 Cina, 24,900 India dan lain-lain 82,700 orang.

PEJABAT DAERAH/ TANAH SEPANG

Pentadbiran PDT Sepang diterajui oleh Pegawai Daerah dan tiga (3) orang Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD) di Bahagian Tanah, Pembangunan dan Khidmat Pengurusan. Jumlah kakitangan sehingga kini ialah 151 orang.



CARTA ORGANISASI



FUNGSI & PERANAN



PUNCA KUASA

PERINTAH AM

AKTA PENGAMBILAN TANAH

AKTA KASTAM DAN EKSAIS DI RAJA

SELANGOR LAND RULES

KANUN TANAH NEGARA

ARAHAN PENTADBIRAN

ARAHAN PERBENDAHARAAN & AKTA TATACARA KEWANGAN

ENAKMEN RIZAB MELAYU

ARAHAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)


1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) & SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

PEKELILING PEJABAT TANAH & GALIAN SELANGOR

KEPUTUSAN MMKN

PEKELILING PERKHIDMATAN & SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN

STAKEHOLDERS & PELANGGAN



BAB 2 : SENARIO PERSEKITARAN

ISU & CABARAN

Perubahan persekitaran yang didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalaman negara khususnya negeri memberi kesan langsung kepada harapan pelanggan tentang peranan dan fungsi PDT Sepang. Isu-isu dan cabaran kritikal dibahagikan kepada kekuatan dan kelemahan di samping peluang dan ancaman dalam mencapai Pelan Strategik yang dirancang.

TADBIR URUS

Tadbir urus yang mantap merupakan asas kepada jentera pentadbiran Pejabat Daerah yang kukuh dan berintegriti. Pelan Integriti Nasional (PIN) telah menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi pelaksanaan tadbir urus yang baik. Rangka kerja tersebut memberi penekanan kepada pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan bagi menutup ruang dan peluang untuk penyelewengan dan salah guna kuasa. Ketelusan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang akan memastikan semua keputusan dan tindakan dibuat dengan penuh integriti. Tumpuan juga diberikan kepada pembangunan modal insan melalui penerapan nilai-nilai murni dan etika.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pentadbiran yang dianggotai oleh sumber manusia yang kompeten, professional, kakitangan yang cukup dan berpengalaman dapat memastikan penghasilan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Dalam era informasi, ilmu pengetahuan semakin penting dalam memacu pertumbuhan dan gaya hidup masyarakat serta menjadi asas kepada pembangunan ekonomi.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

ICT berupaya mengubah cara kerja dan orang awam berurusan dengan agensi-agensi kerajaan. ICT juga membolehkan perkhidmatan disediakan melalui pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. Kemajuan ICT dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Pelanggan sentiasa menuntut tahap perkhidmatan yang lebih cekap dan “responsive” di mana dengan adanya pelaksanaan *No Wrong Door Policy* membolehkan Pejabat Daerah memenuhi tuntutan dan harapan pelanggan dengan lebih baik dan berkesan.

ARUS GLOBALISASI

Globalisasi merupakan cabaran utama kepada pelbagai peluang yang memberi kesan kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat setempat. Pemodenan pentadbiran melalui tadbir urus

yang terbaik akan memberi impak positif kepada ruang perniagaan yang melibatkan dana asing di daerah ini.

Dengan adanya rangkaian infrastruktur yang bertaraf dunia seperti KLIA, MSC dan Cyberjaya, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah bersedia untuk seiring dengan cabaran dalam arus globalisasi.



BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK



NILAI BERSAMA

PROFESIONAL

Sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam menjalankan tugas dan bertindak dengan penuh komited dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik. Sentiasa mencadangkan penyelesaian dan penambakan bagi setiap masalah.

RESPONSIF

Peka dan prihatin kepada kehendak stakeholders dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian terbaik.

KERJA BERPASUKAN

Menggembeng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi

AKAUNTABILITI & BERINTEGRITI

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah serta konsep 'first in first out'.



OBJEKTIF STRATEGIK 1 – PELAN TINDAKAN

MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI

- Memantapkan pembangunan organisasi
- Menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia
- Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
- Mempertingkat dan memperkasa imej organisasi

PELAN TINDAKAN

- Memperkukuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi
- Memantapkan fungsi dan diskripsi tugas
- Memperkukuhkan Pelan Strategik Sumber Manusia
- Memanfaat dan mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan
- Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan pekerja
- Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat
- Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang
- Mempertingkatkan dan memudahkan capaian pelanggan

STRATEGI TERAS 1: MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkuat struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi	Pensijilan MS ISO:2008	Mengekalkan pensijilan MS ISO:2008 dan 90% prosedur kerja telah dipersijilkan.	BKP (Inovasi).
Memantapkan fungsi dan diskripsi tugas	Pengukuran Sasaran Kerja Tahunan	Memastikan 90% pencapaian SKT tahunan tercapai	BKP (Inovasi).
	Penyediaan Laporan Tahunan	Memastikan Laporan Tahunan disediakan secara dwi tahunan	BKP (Inovasi).

STRATEGI TERAS 2: MENETAPKAN HALA TUJU STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkuat Pelan Strategik Sumber Manusia	Tahap kompetensi pekerja	Memastikan 95% kakitangan telah menghadiri kursus melebihi tujuh (7) hari	BKP (Sumber Manusia)

STRATEGI TERAS 3: MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memanafaat dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan	Memastikan penggunaan sistem berada dalam keadaan optimum	Memastikan kelancaran sistem pada tahap 100%	BKP (Unit IT)
Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak dan pengurusan pekerja	Melaksanakan kajian kepuasan pekerja	Tahap kepuasan pekerja melebihi 80% setiap tahun	BKP (Sumber Manusia)
Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat	Memastikan kakitangan dilengkapi dengan komputer	Memastikan 90% kakitangan dilengkapi dengan komputer bagi kerja-kerja berkaitan	BKP (Unit IT)

STRATEGI TERAS 4: MEMPERTINGKAT DAN MEMPERKASAKAN IMEJ ORGANISASI

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang	Tahap persepsi pelanggan	90% pelanggan berpandangan positif terhadap Pejabat Daerah/Tanah Sepang pada tahun 2015	BKP (Khidmat Pelanggan)
Mempertingkatkan dan memudahkan capaian makluman kepada pelanggan	Pengemaskinian maklumat dalam laman web PDT Sepang	Pengemaskini maklumat pada setiap minggu	BKP (Unit IT)

OBJEKTIF STRATEGIK 2 – PELAN TINDAKAN

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

STRATEGI

- Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan
- Memperkasakan tadbir urus
- Memantapkan sistem dan prosedur kerja
- Memantapkan pengurusan kewangan

PELAN TINDAKAN

- Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu
- Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan
- Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman
- Memperkukuhkan Pelan Integriti Organisasi (PIO)
- Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan Nilai-Nilai Murni
- Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur
- Mengoptimumkan kos operasi organisasi
- Memastikan prosedur kewangan dipatuhi

STRATEGI TERAS 1: MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mewujudkan Kod Etika dan amalan terbaik penguatkuasaan	Pemantauan laporan	Sepanjang tahun	Unit Teknikal & Penguatkuasaan
Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu	Ops bersepadu	Tiga (3) kali setahun	BKP (Keselamatan)
Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan	Kursus risikan	Sepanjang tahun	BKP (Latihan)

STRATEGI TERAS 2: MEMPERKASAKAN TADBIR URUS

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	Indeks Akauntabiliti Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 85% pada setiap pengauditan oleh Jabatan Audit Negara	BKP (Kewangan)
	Mengurangkan jumlah laporan ketidak akuran (NCR) dalam pengauditan MS ISO	Pengurangan sebanyak 20% setiap tahun	BKP (Inovasi)
Memperkukuhkan Pelan Integriti Organisasi (PIO)	Jumlah kes tatatertib	Pengurangan kes tatatertib sebanyak 1% setiap tahun.	BKP (Unit Integriti)
Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan Nilai-nilai Murni	Memastikan pelaksanaan program dan tindakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan dilaksanakan	Mengadakan tiga (3) kali mesyuarat setiap tahun	BKP (Unit Integriti)

STRATEGI TERAS 3: MEMANTAPKAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun	BKP (Khidmat Pelanggan)
	Pengemaskinian fail meja	Setiap tahun	BKP (unit HRMIS)
	pengemaskinian MPK	Setiap tahun	BKP (unit HRMIS)
	Permohonan penstrukturan penjawatan	Setiap tahun	BKP (unit HRMIS)

STRATEGI TERAS 4: MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mengoptimumkan kos operasi organisasi	Prestasi perbelanjaan	Memastikan perbelanjaan yang telah diperuntukkan dibelanjakan melebihi 95% setiap tahun	BKP (Kewangan)
Memastikan prosedur kewangan dipatuhi	Naziran oleh Bendahari Negeri	Memastikan jumlah teguran yang diterima pada tahap yang minimum	BKP (Kewangan)

OBJEKTIF STRATEGIK 3 – PELAN TINDAKAN

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH BAGI KEMAKMURAN NEGERI

STRATEGI

- Memantapkan pengurusan dan pentadbiran tanah ke arah *paperless society*
- Memperkasakan urusan pembangunan tanah
- Memantapkan keupayaan kutipan hasil

PELAN TINDAKAN

- Memperluaskan penggunaan aplikasi sistem e-consent
- Menyediakan laporan teknikal melalui OSC 3.0
- Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil

STRATEGI TERAS 1: MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH KE ARAH *PAPERLESS SOCIETY*

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Melaksanakan penggunaan aplikasi e-consent	Pelaksanaan Sistem e-consent	Peratus penggunaan melebihi 95%	Unit Pendaftaran

STRATEGI TERAS 2: MEMPERKASAKAN URUSAN PEMBANGUNAN TANAH

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Menyediakan laporan teknikal melalui OSC 3.0	Jumlah mesyuarat	Setiap tahun	Unit Pembangunan Tanah

STRATEGI TERAS 3: MEMANTAPKAN KEUPAYAAN KUTIPAN HASIL

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil	Jumlah kutipan hasil	Memastikan jumlah kutipan hasil semasa melebihi 95% berbanding jumlah kutipan hasil yang dianggarkan dan jumlah tunggakan hasil melebihi 75% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak.	Unit Hasil
	Anugerah Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Selangor	Setiap tahun	Unit Hasil
	Program kutipan luar	Setiap tahun	Unit Hasil
	Pengeluaran notis 6A	Setiap tahun	Unit Hasil
	Jumlah program turun padang	Tiga (3) kali setahun	Unit Hasil

OBJEKTIF STRATEGIK 4 – PELAN TINDAKAN

MEMPERBANYAKKAN KEMUDAHAN & INFRASTRUKTUR AWAM BAGI MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT

STRATEGI

- Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur awam luar bandar
- Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan spritual
- Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti jabatan

PELAN TINDAKAN

- Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD)
- Memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan sepenuhnya
- Menyelenggara kemudahan awam
- Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat
- Memperkukuhkan penghayatan agama dan spiritual di dalam organisasi
- Memastikan setiap asset direkod dengan baik
- Melaksanakan penggunaan sistem pengurusan aset

STRATEGI TERAS 1: MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM LUAR BANDAR

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD)	Jumlah mesyuarat yang dilaksanakan	Enam (6) kali setahun	Bahagian Pembangunan
Memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan sepenuhnya	Peratus perbelanjaan	90 % setiap tahun	Bahagian Pembangunan
Menyelenggara kemudahan awam	Jumlah Projek	50 projek setiap tahun	Bahagian Pembangunan

STRATEGI TERAS 2: MEMBANGUNKAN MASYARAKAT YANG SIHAT FIZIKAL, MENTAL DAN SPIRITUAL

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat	Bilangan Program senamrobik jabatan	Sepanjang tahun	BKP (Majlis & Keraian)
	Bilangan gotong-royong	Sepanjang tahun	PLB
Memperkukuhkan penghayatan agama dan spiritual di dalam organisasi.	Jumlah Majlis Bacaan Yaasin dan Tazkirah	Sepanjang tahun	BKP (Sumber Manusia)

STRATEGI TERAS 3: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI JABATAN

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memastikan setiap aset direkod dengan baik	Laporan tahunan aset	Sekali setiap tahun	BKP (Unit Aset
	Mengadakan mesyuarat jawatankuasa JKPAK	Empat (4) kali setahun	Unit aset
Melaksanakan penggunaan sistem pengurusan aset	Pelaksanaan sistem pengurusan aset	2017	BKP (Unit Aset)

OBJEKTIF STRATEGIK 5 – PELAN TINDAKAN

MENGGIATKAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN DESA SERTA PENGUKUHAN SOSIO-EKONOMI SECARA HOLISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

STRATEGIK

- Merapatkan jurang pendapatan penduduk Bandar dan desa
- Merapatkan jurang digital antara bandar dan desa

PELAN TINDAKAN

- Memberi pendedahan perniagaan kepada penduduk ekonomi desa
- Mengurangkan kadar kemiskinan
- Mempertingkatkan taraf ekonomi wanita luar bandar
- Mempertingkatkan taraf hidup luar bandar
- Meningkatkan capaian jalur lebar Wifi Selangorku
- Melahirkan masyarakat celik IT

STRATEGI TERAS 1: MERAPATKAN JURANG PENDAPATAN PENDUDUK BANDAR DAN DESA

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memberi pendedahan perniagaan kepada penduduk ekonomi desa	Jumlah program/kursus	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan
Mengurangkan kadar kemiskinan	Jumlah program Blue-print	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan
Meningkatkan taraf ekonomi wanita luar bandar	Jumlah program PWB	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan
Meningkatkan taraf hidup luar bandar	Jumlah program rumah kerajaan prihatin	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan

STRATEGI TERAS 2: MERAPATKAN JURANG DIGITAL ANTARA BANDAR DAN DESA

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan capaian jalur lebar Wifi Selangorku	Peratus liputan di peringkat daerah Sepang	Sepanjang tahun	BKP (Unit IT)
Melahirkan Masyarakat Celik IT	Mewujudkan jaringan media sosial yang diwujudkan di kampung	90 peratus kampung telah mempunyai media social yang tersendiri (FB/BLOG)	Unit Pembangunan

OBJEKTIF STRATEGIK 6 – PELAN TINDAKAN

MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN & KETENTERAMAN AWAM BAGI TUJUAN MENGEKALKAN PERPADUAN & KEHARMONIAN MASYARAKAT

STRATEGIK

- Mewujudkan Bandar mampan dan selamat
- Memperbanyakkan program yang boleh memupuk perpaduan

PELAN TINDAKAN

- Memperluaskan konsep *Community Policing*
- Membudayakan kesedaran keselamatan jalan raya
- Memantau penyalahgunaan dadah di peringkat daerah
- Mengadakan program memupuk perpaduan
- Mengadakan jamuan Perayaan

STRATEGI TERAS 1: MEWUJUDKAN BANDAR MAMPAN DAN SELAMAT

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperluaskan konsep <i>Community Policing</i>	Peratus perbelanjaan PKK yang dibelanjakan	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan
Membudayakan kesedaran keselamatan jalan raya	Jumlah kempen	Satu (1) kali setahun	BKP (Majlis & Keraian)
Memantau penyalahgunaan dadah di peringkat daerah	Jumlah Mesyuarat Tindakan Membenters Dadah	Dua (2) kali setahun	BKP (Keselamatan)

STRATEGI TERAS 2: MEMPERBANYAKKAN PROGRAM YANG BOLEH MEMUPUK PERPADUAN

PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN/TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mengadakan program memupuk perpaduan	Jumlah program (Sukan Orang Kampung)	Sepanjang tahun	Bahagian Pembangunan
Mengadakan jamuan Perayaan	Jumlah majlis atau program keraian	Sepanjang tahun	BKP (Majlis & Keraian)


PETA STRATEGI

Peta Strategi (*Strategy Map*) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini akan diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu:

- Perspektif Pelanggan;
- Perspektif Kewangan;
- Perspektif Proses Dalaman ; dan
- Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan

PETA STRATEGI PEJABAT DAERAH/TANAH 2016-2020



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pembangunan Insan

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran pembangunan insan PDT Sepang melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, pengurusan tanah, perancangan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor-mentee, AKRAB dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan imej PDT Sepang.

Kapasiti Organisasi

Kapasiti organisasi PDT Sepang akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan bidang fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksible seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan projek.

Pengurusan Ilmu

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau Knowledge Management (KM) PDT Sepang. Penggunaan optimum KM akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik PDT Sepang.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian Semula Pelan Strategik PDT Sepang akan dijalankan pada tahun 2018 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian Semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik PDT Sepang.

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di PDT Sepang memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti di **Jadual 1**.

Bil	Perkara	Tarikh Cadangan
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap enam (6) bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2018

Jadual 1: Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

Penilaian pencapaian pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua (2) tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2018. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan, jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi PDT Sepang. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 2**:

Jawatan	Keahlian
Pengerusi	Pegawai Derah Sepang
Setiausaha	Unit Inovasi
Ahli-ahli	Semua Ketua Unit

Jadual 2: Jawatankuasa Transformasi PDT Sepang

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik PDT Sepang berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan. Selain itu, Pelan Strategik PDT ini boleh dipantau melalui carta perbatuan bagi memastikan berjalan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Carta perbatuan tersebut adalah seperti di **Jadual 3**:

CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN

PELAN STRATEGIK 2016-2020 PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG

BIL	AKTIVITI	2016	2017	2018	2019	2020	TINDAKAN	PELAKSANAAN SEBENAR
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik							
2.	Penilaian Pencapaian							
3.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik							
4.	Penyediaan Deraf 2021-2025							
5.	Pelacaran Pelan Strategik 2021-2025							

Jadual 3: Carta Perbatuan Pelan Strategik 2016-2020

PENUTUP

Pelan Strategik Pejabat Daerah/ Tanah Sepang ini dibangunkan bagi menyediakan arah tuju dan dasar serta strategi pengurusan Pejabat Daerah/ Tanah Sepang. Pelan strategik ini diwujudkan bagi melahirkan budaya kerja yang berkualiti daripada segi emosi, mental dan spiritual. Sehubungan itu, pelan strategik ini akan memandu warga kerja agar tidak tersasar dari sasaran yang digariskan.

Justeru itu, semua warga kerja perlu mengukuhkan semangat berpasukan dan mempertingkatkan integriti masing-masing ke arah pencapaian visi dan misi PDT Sepang. Penilaian berkala akan diadakan bagi memastikan strategi dan tindakan yang telah digariskan terlaksana seperti yang dirancang.



Moving on is a process;
moving forward is a choice.
There's a slight difference
between the two. Moving
on is letting things
happen; moving forward
is **making things happen.**

©QuotesEmpire.com